



UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA

APEX™



## PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

### HGG355 - ANALISIS WILAYAH DAN SETEMPAT

SEMESTER 1

SIDANG AKADEMIK 2019/2020

#### TAJUK :

DENGAN MERUJUK KEPADA NEGERI SABAH, BINCANGKAN PERANAN  
DAN SUMBANGAN PELABURAN LANGSUNG ASING KEPADA  
PEMBANGUNAN EKONOMI DAN KAWASAN DI NEGERI TERSEBUT

#### NAMA AHLI :

IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI 136361

NURUL ZUHEINNA BINTI TAN TECK FUI 136485

#### NAMA PENSYARAH :

DR. NOORIAH BINTI YUSUF

#### TARIKH PENGHANTARAN :

14 NOVEMBER 2019

## **1.0 PENGENALAN**

Pertumbuhan sesuatu ekonomi di sebuah negara adalah suatu fenomena yang kompleks. Salah satu pertumbuhan ekonomi adalah pertumbuhan modal sama ada melalui pelaburan domestik atau pelaburan langsung asing (FDI). Rybczynski (1955) menjelaskan bahawa pengaruh modal terhadap pertumbuhan ekonomi dengan menggunakan analisis mikroekonomi. Menurut beliau, pertumbuhan anugerah modal sama ada melalui pelaburan domestik atau aliran masuk modal asing akan menyebabkan negara tuan rumah mengalami kesan pendapatan yang positif akibat daripada peningkatan penggunaan per kapita. Oleh sebab itu, tidak hairanlah kebanyakan negara di dunia berlumba-lumba menawarkan pelbagai pakej pelaburan yang menarik untuk bersaing mendapatkan aliran masuk modal asing tersebut. Pelaburan langsung asing dilihat berpotensi memberikan kesan yang positif kepada ekonomi negara daripada aspek menyediakan peluang pekerjaan, pemindahan teknologi, pertumbuhan sektor eksport dan rantai antara industri. Pertumbuhan ekonomi yang pesat selalunya akan membentuk keperluan penggunaan modal yang tinggi. Hal ini seterusnya mendorong negara tuan rumah untuk menyediakan insentif pelaburan dan menawarkan terma dan syarat yang mampu menarik untuk menggalakkan pelabur asing melabur (Shan et al. 1997). Markusen et al. (1996) menyatakan kemasukan pelaburan langsung asing ke dalam sebuah negara juga berlaku kerana pertumbuhan ekonomi meningkatkan pertumbuhan saiz pasaran yang lazimnya dicari oleh syarikat multinasional asing untuk menggunakan sumber dengan cekap dan mengambil manfaat ekonomi mengikut bidang.

Pelaburan langsung asing kini merupakan fenomena ekonomi yang penting di Malaysia. Keadaan ekonomi terbuka yang diamalkan oleh Malaysia membolehkan ia menjadi salah satu penerima FDI yang terbesar. Di samping itu, keadaan dan suasana Malaysia yang bersaing dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan, tenaga buruh yang banyak dan mahir, polisi kerajaan yang sentiasa konsisten dan beberapa insentif untuk menarik pelaburan asing telah menjadikan Malaysia sebagai salah satu tujuan pengaliran FDI. Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem ekonomi terbuka. Oleh itu, prestasi ekonomi Malaysia terdedah kepada keadaan persekitaran ekonomi antarabangsa khususnya dari aktiviti perdagangan dan aliran kewangan. Dalam usaha meningkatkan daya saing ekonomi, Malaysia telah meliberasikan ekonominya dengan melibatkan diri dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua-hala dan serantau serta Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas

ASEAN (AFTA) bagi memberi keyakinan kepada pelabur tentang faedah yang akan diperoleh hasil daripada komitmen liberalisasi pelaburan dan perdagangan. Tindakan ini juga adalah seiring dengan usaha kerajaan dalam meastikan negara bersedia untuk menghadapi fenomena globalisasi ekonomi khususnya dalam sektor kewangan yang sedang melanda kini.

Dalam konteks Malaysia, kemasukan pelabur asing dalam bentuk FDI atau FPI sangat digalakkan oleh pihak kerajaan. Hal ini demikian kerana disebabkan oleh matlamat negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 memerlukan stok modal yang besar yang hanyak boleh diperolehi melalui penanaman modal oleh domestik mahupun antarabangsa. Tambahan lagi, usaha negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi telah meletakkan peranan sektor swasta yang lebih dominan dalam kegiatan ekonomi manakala pihak kerajaan berperanan untuk menyediakan infrastruktur fizikal dan kewangan. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10), strategi untuk meningkatkan pertumbuhan pelaburan sektor swasta telah digunal, antaranya memansuhkan dalam Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) dan menghapuskan syarat ekuiti milikan asing yang dikenakan ke atas sektor bukan strategik. Langkah yang bersifat integrasi ini telah diambil untuk menggalakkan lebih banyak penyertaan pelaburan asing dan pelaburan domestik.

Sabah merupakan negeri dalam Malaysia yang juga tidak asing lagi telah menerima kesan pelaburan langsung asing. Terdapat banyak sektor ekonomi di Sabah yang berkembang maju akibat daripada libat sama pelaburan langsung asing ini. Kedatangan pelabur langsung asing ini juga dilihat sebagai pendorong kepada pembangunan ekonomi di beberapa kawasan di Sabah. Dalam penulisan ini, penulis akan menerangkan peranan dan sumbangan pelaburan langsung asing kepada pembangunan ekonomi dan kawasan di beberapa kawasan dalam negeri Sabah.

## **2.0 PELABURAN LANGSUNG ASING**

Kajian pelaburan langsung asing terhadap pertumbuhan ekonomi telah mendapat liputan yang meluas dalam kalangan ahli ekonomi. Pengaliran FDI berlaku sejak zaman kolonial lagi. Seawal tahun 1920 pelaburan telah pun dilakukan di negara ini. Sebahagian besar pelaburan antarabangsa adalah berbentuk pelaburan portfolio, iaitu pergerakan dana modal dari kawasan yang mempunyai kadar faedah tinggi. Namun demikian, selepas Perang Dunia Kedua, komponen utama dalam aliran modal adalah Pelaburan Lansung Asing (Nooriah Yusuf dan Tarmiji Masron, 2010). Dalam kes pelaburan porfolio ini, pelabur akan membina bon atau sekuriti kerajaan bukan dengan tujuan menggunakan untuk mengawal syarikat asing. Namun sebaliknya, dalam kes pelaburan langsung asing, pelabur akan membuat pelaburan dengan tujuan untuk mendapat kawalan terhadap syarikat tersebut. Pelaburan portfolio ini bermotifkan kepada memperoleh keuntungan dari pelaburan yang dibuat namun berbeza dengan pelaburan langsung asing yang dibuar bukanlah hanya mendapatkan keuntungan semata-mata. Pelaburan langsung asing ini mempunyai motif tersendiri iaitu untuk menembusi pasaran negara asing, untuk mewujudkan hubungan yang terjamin dengan pembekal dan juga untuk mengatasi halang-halangan perdagangan seperti tarif.

Alvstam (1993), mendefinisikan pelaburan langsung asing sebagai pemindahan melepas sempadan sumber-sumber pengurusan. Pelaburan langsung asing selalunya diukur dari segi pemindahan modal antarabangsa, walaupun ia melibatkan pemindahan sumber manusia dan modal kewangan. Pelaburan langsung asing ini melibatkan pengaliran masuk pelaburan benar seperti modal, kepakaran dan teknologi yang biasanya dilakukan oleh syarikat multinasional atau syarikat transnational. Menurut United Nations (1997), pelaburan langsung asing merupakan pelaburan yang melibatkan hubungan jangka panjang dan wujudnya kepentingan dan kawalan milikan dalam sesebuah ekonomi negara yang dilabur. Hal ini dapat menunjukkan bahawa melalui pelaburan ini, pelabur dapat memainkan peranan yang signifikan terhadap pengurusan syarikat atau firma yang didirikan di sesebuah negara lain. Dari aspek ekonomi, pelaburan langsung asing boleh dianggap sebagai satu kelebihan kepada negara penerima kerana pelaburan langsung asing ini berperanan dalam menjadi sumber modal untuk menampung kekurangan modal di negara penerima. Situasi ini boleh meningkatkan produktiviti dan menarik lebih banyak pelaburan serta merangsang permintaan tempatan.

Balance Payment Manual (1993), menjelaskan pelaburan langsung asing merujuk kepada kategori pelaburan antarabangsa yang menggambarkan objektif entiti residen dalam sesebuah ekonomi mendapatkan pegangan bekalan dalam perniagaan residen sesebuah ekonomi negara yang lain. Pegangan berkekalan merujuk kepada wujudnya hubungan jangka panjang antara pelabur dengan perniagaan serta darjah pengaruh pelabur yang signifikan ke atas pengurusan perniagaan. Globalisasi kewangan di Malaysia telah membantu meningkatkan aliran modal domestik negara malah pelaburan langsung asing dilihat sebagai pendorong utama dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia. Dalam usaha menarik minat pelabur, pelbagai langkah reformasi polisi telah dilaksanakan oleh kerajaan termasuklah pengenalan Akta Insentif Pelaburan 1968, pembukaan zon perdagangan bebas pada awal tahun 1970an, kepelbagaian insentif eksport disertai dengan polisi terbuka negara pada tahun 1980an telah meningkatkan kadar pelaburan langsung asing dalam negara. Kerajaan juga telah memperkenalkan Akta Promotion of Investment (PIA) 1986 yang membenarkan pemilikan ekuiti yang lebih besar kepada pelabur asing dan usaha ini telah berjaya meningkatkan kadar pelaburan langsung asing sehingga mencecah pertumbuhan purata 38.7 peratus bagi tempoh 1986 hingga 1996. Selain dari pelbagai polisi penggalakan pelaburan langsung asing, persekitaran ekonomi negara dari segi pengurusan makroekonomi yang baik, pertumbuhan ekonomi yang mapan serta kedudukan sistem kewangan negara yang kukuh juga menjadi daya tarikan utama pelabur untuk melabur ke dalam negara (Anis Mardiana Abdullah 2010).

Menurut Jomo K.S dan Shamsulbahriah Ku Ahmad (2004) menjelaskan bahawa perbincangan tentang kelebihan pelaburan langsung asing terus menerus tanpa persetujuan, walaupun jelas bahawa manfaat pelaburan langsung asing adalah ‘ladang hijau’ yang menambah kemampuan ekonomi atau kemampuan kemasukan modal asing. Walau bagaimanapun, sumbangan pelaburan langsung asing ini sering diperbesarkan. Peranan pelaburan langsung asing dalam pertumbuhan Timur Laut Asia sebenarnya adalah kecil, kurang daripada dua peratus daripada pembentukan modal di negara ini pada tempoh itu, tempoh pertumbuhan pesat di Jepun, Korea Selatan dan Taiwan berbanding dengan purata 5-6 peratus negara-negara membangun dan peratusan di Malaysia yang biasanya melebihi sepuluh peratus. Setelah krisis ekonomi pada 1997-1998, diakui bahawa kemampuan industri dan teknologi Asia Tenggara lemah akibat pergantungan terhadap dan penguasaan oleh pelaburan langsung asing. Oleh kerana industri dinamik dikuasai oleh pelabur asing, dasar

pemerintahan di Asia Tenggara banyak dipengaruhi oleh kepentingan kewangan, yang telah meningkatkan kelemahan, kerapuhan dan vulnerabiliti kewangan. Lebih daripada 80 peratus pelaburan langsung asing pada tahun 1990-an sebenarnya adalah untuk penggabungan dan pengambilalihan bukan pelaburan langsung asing ‘padang hijau’ yang membawa kapasiti atau kemampuan ekonomi baru. Di negara membangun, M&As oleh pelaburan langsung asing melibatkan lebih banyak pemerolehan, terutamanya semasa krisis, contohnya selepas krisis tunai. Kewangan lebih kerap pada hari ini. Pengambilalihan asing yang mengambil kesempatan daripada krisis tersebut jarang sekali membawa pengurusan yang lebih baik yang dikatakan timbul daripada M&As di pasaran modal.

## **2.0 EKONOMI SABAH**

Sabah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sumber alam seperti perhutanan, galian, flora dan fauna dan sehingga ke hidupan laut. Beberapa aktiviti ekonomi yang terdapat di Sabah adalah seperti perladangan kelapa sawit, perladangan getah, pertanian, perkilangan, pembalakan dan juga pelancongan. Sumber perhutanan dan pertanian merupakan penyumbang utama kepada sumber pendapatan di Sabah. Ekonomi negeri Sabah bergantung kepada eksport komoditi utamanya seperti minyak kelapa sawit, koko, getah, petroleum dan hasil kayu balak. Sabah juga merupakan pengeluar utama minyak kelapa sawit dan koko di Malaysia. (Maruwiah Ahmat, 2008).

Ekonomi pembalakan merupakan aktiviti yang menjadi nadi penting terhadap pembangunan ekonomi di Sabah. Aktiviti pembalakan ini dimonopoli oleh kerja-kerja pemprosesan kayu balak iaitu pemprosesan kayu potong dan papan lapis. Pada tahun 1892-1941, ekonomi pembalakan dilihat sebagai satu ekonomi yang banyak menyumbang kepada ekonomi di Sabah pada ketika itu. Aktiviti pembalakan dijalankan di beberapa kawasan yang terdapat di Sabah iaitu Tawau, Sandakan dan Lahad Datu. Menurut Jinel Noin (2010), pada tahun 1885, merupakan eksport pertama balak ke Australia dan kemudian diperluaskan sehingga ke negara China, Singapura, Jepun dan England. Pada tahun 1910, balak merupakan hasil eksport kedua terbesar selepas tembakau. Kepentingan ekonomi kayu balak sehingga kini menjadi ekonomi yang penting dalam meningkatkan ekonomi negara. Hal ini menyebabkan terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh phak kerajaan dan swasta dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti kayu balak. Tambahan pula, aktiviti pembalakan bukan sahaja dapat meneksport hasil kayu balak ke luar negara tetapi juga dapat memuwujudkan aktiviti industri hiliran dalam perkayuan. Menurut Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, industri perkayuan di negeri Sabah mempunyai potensi besar sekiranya dimanfaatkan sepenuhnya menerusi pengeluaran produk akhir. Hal ini bukan sahaja dapat menghasilkan pendapatan kepada negara tetapi juga dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak terhadap rakyat. (Fardy Bungga, 2019). Hal ini menunjukkan bahawa ekonomi pembalakan masih lagi berkepentingan dalam meningkatkan pembangunan di Sabah.

Industri perladangan merupakan sebahagian daripada sektor pertanian di Malaysia. Ekonomi perladangan getah di Sabah juga banyak menyumbang kepada perkembangan ekonomi di Sabah. Getah diperkenalkan di Sabah dalam tahun 1900

dan sehingga tahun 1940 dan dianggarkan terdapat sebanyak 132000 ekar ditanami dengan getah, meliputi 76,000 estet yang melebihi 250 ekar, serta 56,000 ekar pekebun kecil. Lebih kurang daripada 3 peratus hingga setengah peatus yang ditanam menggunakan klon berhasil tinggi di kesemua estet. Selepas perang Jepun berakhir, sebanyak 10,000 ekar getah telah dihapuskan untuk pengeluaran makanan atau telah ditingglakan. Kawasan yang tinggal dianggarkan berjumlah 122,000 ekar. (Lembaga Industri Getah Sabah, 2011). Ekonomi perladangan getah mula popular setelah diperkenalkan di Asia Tenggara. Berdasarkan sejarah perkembangan getah di Sabah tahun 1895-1905 telah menunjukkan aktiviti perladangan getah semakin meningkat sekitar tahun tersebut. Bermuladari pada pengenalan beberapa jenis getah seperti Ceara Rubber, India Rubber, Hevea Brasiliensis dan sebagainya. Terdapat banyak syarikat perusahaan yang terlibat dalam memajukan ekonomi perladangan getah seperti Langkon Borneo Rubber Company Limited, Manchester North Borneo Company Limited, Sapong & Tobacco Estates Limited dan Tenom Borneo Para Rubber Company Limited. Syarikat-syarikat ini telah banyak memberikan sumbangan atau modal dalam menjalankan perusahaan di kawasan masing-masing. Pada tahun 1907, kebanyakan syarikat mula menggunakan modal yang besar untuk mengusahakan getah dan pada keluasan yang semakin meningkat (Jinel Noin, 2010). Beberapa daerah yang terlibat dalam perladangan getah pada tahun tersebut adalah seperti Sandakan, Tenom, Papar, Pitas, Membakut dan kawasan-kawasan yang lain. Secara keseluruhannya, sekitar tahun tersebut ekonomi perladangan getah banyak menyumbang kepada pembangunan ekonomi Sabah. Sebagai sebuah badan pentadbir, kerajaan telah menggunakan pendapatan tersebut untuk membangunkan negeri Sabah. Pembinaan jalan kereta api, jalan raya dan pelabuhan lebih pesat berlaku disebabkan kemudahan-kemudahan tersebut digunakan untuk melicinkan urusan industri dan secara tidak langsung berfungsi sebagai satu alat perhubungan yang sangat penting. Dari segi kesan sosial, ekonomi perladangan getah tersebut menyebabkan berlakunya pertambahan penduduk. Keperluan buruh untuk bekerja di estet-estet getah menuntut kegiatan import tenaga dari China dan Pulau Jawa dilakukan. Langkah yang telah diambil ini, bukan sahaja membantu dalam perkembangan industri getah pada waktu itu, malah juga membantu dalam meningkatkan jumlah penduduk di Sabah. Kesan daripada perkembangan industri perladangan getah sekitar tahun tersebut telah membawa perubahan ketara dalam aspek ekonomi, infrastruktur dan demografi negeri Sabah. Pada tahun 1972 sehingga 2016 telah memperlihatkan pengeluaran getah yang

statik. Hal ini disebabkan tiada pembukaan tanah baharu bagi tanaman getah disebabkan harga komoditi getah yang tidak stabil implikasi daripada kewujudan getah sentatik. Berdasarkan kajian-kajian lepas seperti menurut Remali Yusoff (2019) menggunakan analisis OLS menunjukkan terdapat hubungan positif di antara getah, koko dan eksport namun ianya sangat sensitif terhadap harga dunia dan keadaan cuaca. Kajian menunjukkan bahawa sektor pertanian koko dan getah tidak memberi kesan dalam jangka pendek kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pertanian koko dan getah asli hanya efektif kepada pertumbuhan KDNK negara bagi tempoh jangka masa yang panjang. Hal ini menunjukkan bahawa industri pertanian tersebut masih relevan kepada pendapatan negara. Di bawah dasar DPN3 jangkaan pengurangan getah dijangka akan berkurangan iaitu seluas 494,000 hektar. Kebanyakan kawasan ini akan ditanam semula dengan kelapa sawit, buah-buahan dan sayur-sayuran. Hal ini disebabkan hal ini akan memberi kesan kepada sumbangan industri ini kepada KDNK negara dan hasil analisis menunjukkan bahawa kesan sektor ini lebih memberi kesan kepada pendapatan negara untuk tempoh jangka masa yang panjang. Remali Yusoff, Shairilizwan Taasim (2019).

Sektor pelancongan merupakan aktiviti ekonomi kedua terbesar yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi bukan sahaja untuk negeri Sabah malah untuk negara juga. Negeri Sabah merupakan negeri yang kaya dengan destinasi-destinasi pelancongan yang menarik. Kewujudan flora dan fauna semula jadi yang mempunyai pelbagai spesies juga telah menjadikan Sabah sebagai negeri pilihan untuk dilawati. Oleh itu, sebahagian besar daripada destinasi-destinasi yang terdapat di Sabah adalah bertaraf dunia. Terdapat beberapa tempat yang telah mendapatkan pengiktirafan bertaraf dunia iaitu Lembah Danum, Gunung Kinabalu, Pulau Sipadan, hutan Simpan Sepilok, Sandakan dan ‘tips of Borneo yang terletak di Kudat. Kawasan Lembah Danum mempunyai keluasan sebanyak 483 km persegi merupakan kawasan pelancongan alam sekitar yang mempunyai 124 spesies mamalia, 72 spesies reptilia, 56 spesies amfibia dan 37 spesies ikan. Terdapat banyak spesies yang jarang dan terancamboleh dijumpai di hutan simpan ini seperti badak sumbu, tembadau, gajah, harimau dahan. Selain menjadi tarikan pelancongan, Lembah Danum juga menjadi tumpuan bagi penyelidik-penyalidik daripada dalam dan luar negara untuk menjalankan kajian berkaitan biodiversiti. Bukan itu sahaja, pulau dan pantai yang terdapat di Sabah juga sangat cantik dan bersih. Terdapat gugusan pulau yang telah diwartakan sebagai kawasan Taman Laut Tengku Abdul Rahman. Pulau-pulau yang

termasuk dalam dalam kawasan taman ini ialah Pulau Gaya, Manukan, Sapi, Sulug dan Mamutik. Air lautnya yang jernih dan ditambah lagi dengan pelbagai hidupan laut yang menarik dan unik telah menarik minat pelancong untuk berkunjung. (Maruwiah Ahmat, 2008).

Sektor perindustrian dan perniagaan juga merupakan ekonomi yang sangat penting di Sabah. Sektor perindustrian merupakan salah satu penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri Sabah. Melalui aktiviti ini, pelaburan dalam dan luar negara dapat ditingkatkan. Terdapat beberapa lokasi perindustrian yang menjadi penggerak utama ke arah memantapkan aktiviti perindustrian di negeri ini iaitu Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), Taman Perindustrian Kecil Teluk Sepanggar serta Pelabuhan Teluk Sepanggar. Negeri Sabah merupakan kawasan utama tanaman sawit di Malaysia iaitu sebanyak 1.362 juta hektar kluasan. Oleh itu terdapat banyak kilang-kilang pemprosesan kelapa sawit yang didirikan di Sabah terutamanya di kawasan-kawasan pekan dan felda. Sebagai contoh, adanya kilang TSH Sabah merupakan pengeluar terbesar Minyak Sawit Mentah (CPO). Dari segi pendapatan, cukai jualan CPO penyumbang kedua terbesar kepada tabung negeri dengan purata RM800 juta hingga RM1 bilion. (Mohd Nazzlie, 2018). Benta Wawasan Sdn. Bhd. (BWSB) merupakan syarikat yang terlibat dalam industri perladangan sawit yang terletak di Tawau dan memulakan penanaman pertamanya pada tahun 2005. Keluasan kawasan penanaman sawit matang setakat ini adalah seluas 25,210.25 hektar dengan profil umur purata dariapada enam hingga 14 tahun. Semua estet dinamakan sempena spesies pokok berharga di Malaysia iaitu agathis, belian, kapur, gaharu, merbau, menggaris, binuang dan seraya. Pengeluaran FFB syarikat untuk 2018 adalah sebanyak 447,688.20 tan metrik. Selain itu, terdapat juga syarikat Sabah Softwoods Berhad (SSB) yang ditubuhkan pada tahun 1973 sebagai syarikat usaha samadengan kini pemilikan sebanyak 705 oleh kumpulan Yayasan Sabah. Perladangan dan kelapa sawit merupakan aktiviti utama syarikat ini. Dengan adanya kawasan seluas 60,600 hektar di Tawau iaitu di Brumas sebanyak 41,500 hektar dan di Kalaban sebanyak 19,100 hektar. Kilang Minyak Mentah Kelapa Sawit (CPO) Dumpas merupakan kilang CPO pertama SSB berkeupayaan mengendalikan 60 tan metriks Buah Tandan Segar (FFM) sejam. SAMEL Plantation Sdn. Bhd. Juga merupakan usaha sama di antara Kumpulan Yayasan Sabah dan Yayasan Melaka. (Kumpulan Yayasan Sabah, 2019). Terdapat juga kilang Serpai SSB yang mula beroperasi pada tahun 1998 dan aktiviti ini telah menjadikan SSB sebagai

pembekal utama kayu serpai dari Malaysia. Kapasiti kilang adalah sebanyak 100,000 Bone Dry Metric Tons (BDMT) dalam setahun. Kilang serpai ini juga telah mendapat penganugerahan pensijilan Chain-of-Custody (COC) bagi pengilangan produk kayu serpai jenis Acacia mangium dengan jaminan pengeluaran produk yang diiktiraf dengan pensijilan Forest Stewardship Council (FSC). SSB juga merupakan syarikat perladangan kayu industri terbesar di Malaysia dengan pensijilan FSC yang meliputi kawasan seluas 22,900 hektar. Pensijilan FSC yang diiktiraf seluruh dunia merupakan bukti ke atas amalan pengurusan yang baik seperti perlindungan persekitaran, penjagaan hutan konservasi yang baik dan menjaga kebajikan sosioekonomi pekerja dan komuniti tempatan secara jangka panjang. Hap Seng Plantation Holdings Berhad (HSPHB) pula merupakan syarikat perladangan kelapa sawit yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia dengan modal berbayar sebanyak RM800 juta. Pelaburan di dalam HSPHB merupakan suntikan 305 ekuiti Jeroco Plantation Sdn. Bhd. dan pembelian syer tambahan HSPHB. Penglibatan syarikat-syarikat kerajaan dan swasta menunjukkan kepentingan industri kilang-kilang di Sabah. Hal ini juga menyebabkan ramai pelabur asing yang berminat untuk melabur di negeri Sabah.

Ekonomi pertanian juga tidak kurang ketinggalan dalam menyumbang kepada ekonomi negara khususnya di Sabah. Tanaman pertanian yang diusahakan di Sabah termasuklah kelapa sawit, getah dan koko. Sabah merupakan pengeluar utama kelapa sawit dan koko di Malaysia. Hampir 1/7 daripada kawasan Sabah sesuai untuk aktiviti pertanian. Penanaman kelapa sawit merupakan salah satu aktiviti pertanian utama di negara ini dan Sabah adalah pengeluar utama minyak kelapa sawit di Malaysia. Pada tahun 2001, Malaysia telah menghasilkan sebanyak 11.804 juta tan metrik minyak sawit mentah iaitu 50.55 peratus keluaran dunia daripada jumlah tersebut. Hal ini bermakna Sabah menyumbang sebanyak 3.717 juta tan metrik minyak sawit mentah dan hal ini menyebabkan pendapatan yang dijana adalah sebanyak RM3.3 billion. Sabah juga menyumbang terbesar koko di Malaysia. Pada tahun 1998 lebih daripada 70% jumlah koko negar disumbangkan oleh negeri Sabah. Penanaman getah pula penanaman ketiga terpenting. Tahun 1998, sumbangannya kepada eksport negeri sebanyak 76 juta. Sumbangan Kumpulan Sawit Kinabalu kepada pembangunan Negeri Sabah, khususnya di sektor pertanian amat menggalakkan. Sekiranya dahulu negeri Sabah bergantung penuh kepada syarikat-syarikat daripada luar Sabah seperti FELDA dan Golden Hope untuk memajukan tanah serta menyediakan pekerjaan

kepada penduduk Sabah, kini Sabah mampu untuk mengambil bahagian dalam sektor ini melalui Kumpulan Sawit Kinabalu. Pembinaan beberapa kilang pemprosesan kelapa sawit oleh Kumpulan Sawit Kinabalu seperti kilang Sebrang di Lahad Datu dan kilang Sepagaya membuktikan kemampuan syarikat ini untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negeri. Langkah proaktif yang diambil oleh Kumpulan Sawit Kinabalu dalam memajukan industri kelapa sawit di Sabah khasnya dan Malaysia bukan saja menyumbang kepada pendapatan Kerajaan negeri malah juga kepada faedah-faedah sampingan dari segi penyediaan peluang-peluang pekerjaan serta perpindahan kepakaran kepada rakyat kita di negeri Sabah. (Kerajaan Negeri Sabah, 2002).

### **3.0 KESAN PELABURAN LANGSUNG ASING TERHADAP PEMBANGUNAN EKONOMI DI SABAH**

Kedatangan pelaburan langsung asing ini sememangnya telah memberi kesan yang ketara dalam ekonomi sesuatu tempat. Sama seperti negeri-negeri lain di Malaysia, Sabah juga merupakan negara yang menerima transformasi akibat daripada kemasukan pelaburan langsung asing ini. Antara kesan kedatangan pelaburan langsung asing adalah dapat membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang perbezaan antara bandar dengan luar bandar secara menyeluruh. Secara amnya, negeri Sabah dan Sarawak merupakan negeri yang diletakkan dalam kumpulan negeri-negeri kurang maju berdasarkan Indeks Komposit Pembangunan (IKP). Pada tahun 2005, negeri Sabah menjadi negeri terendah iaitu pada tempat ke-14. Terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan selepas merdeka sehingga sekarang dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan lebih seimbang antara negeri-negeri. Antara usaha kerajaan termasuklah menujuhan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang dijangka akan memberi kesan secara langsung terdapat pertumbuhan ekonomi di negeri ini (Fauzi dan Ku'Adzam, 2009).

Pada tahun 2008, Perdana Menteri, Dato Seri Abdullah Ahmad Badawi telah melancarkan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dengan suntikan peruntukan tambahan sebanyak RM5 bilion. Program Rangka Tindakan SDC ini telah berlangsung di Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu. SDC ini merupakan projek pembangunan koridor keempat Malaysia selepas pelancaran Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI), Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Projek SDC ini akan dijangka menerima pelaburan berjumlah RM105 bilion dalam tempoh 18 tahun pelaksanaannya. Projek-projek di bawah SDC bukan sahaja bakal merubah wajah Sabah dengan menyediakan landskap baru ekonomi tetapi juga memastikan kemiskinan dapat dikurangkan secara konsisten di seluruh Sabah (Pauziah, 2013).

Koridor Pembangunan Sabah merupakan satu pendekatan pembangunan yang dianggap komprehensif dan holistik. Di bawah SDC ini, beberapa perancangan telah disediakan untuk membuka pusat-pusat pertumbuhan ekonomi baru yang dijangka membuka banyak ruang dan peluang kepada penduduk khususnya di Sabah dan ekonomi Malaysia amnya. Melalui SDC ini juga beberapa program telah dirancang untuk menyediakan infrastruktur moden dan mantap serta kemudahan-kemudahan lain ke arah merancakkan lagi aktiviti ekonomi (Kasim dan Mori, 2008). Sejak RMK2

(1971-1975) sehingga RMK8 (2001-2005), matlamat pembangunan negeri Sabah adalah untuk meningkatkan taraf hidup penduduk, mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan prasarana, dan meningkatkan keupayaan dalam sumber-sumber asli. (UPENS, 2001). RMK9 berteraskan tiga prinsip utama dalam menangani ketidakseimbangan ekonomi. Antara prinsip tersebut ialah pembasmian kemiskinan dan memastikan tiada yang ketinggalan dalam arus pertumbuhan ekonomi, kedia melaksanakan pertumbuhan yang seimbang di semua negeri dan daerah serta mewujukan lebih banyak peluang dalam penyertaan pembangunan ekonomi negara dan yang ketiga adalah memastikan semua warga menerima faedah daripada pertumbuhan ekonomi dengan cara yang saksama dan adil. SDC dilihat sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah yang lebih mampan dan berdaya saing. Sudah tentunya SDC ini dianggap penting dan kritikal di samping memastikan berlaku loncatan pertumbuhan ekonomi ke arah wawasan 2020.

Program SDC telah mengenalpasti tiga sub-wilayah khusus di negeri ini untuk memberi tumpuan kepada penggunaan sumber secara optimum dalam usaha membangunkan dan memperluaskan kegiatan ekonomi. Sub-Wilayah Barat dikhaskan sebagai zon perindustrian dan pintu masuk pelancongan utama yang bakal menawarkan peluang kepada pelbagai pelbagai pelabur dalam bidang pelancongan kebudayaan dan pelancongan mewah, logistik, harta tanah dan aktiviti pembuatan yang menghasilkan pulangan bernilai tinggi bagi negeri Sabah dan juga para pelabur. Sub-Wilayah Tengah menempatkan kawasan pertanian negeri dan juga merupakan pengeluaran makanan Sabah yang berpotensi menjana kekayaan bagi golongan usahawan agro. Perniagaan berasaskan kraftangan Sabah yang terkenal dan program ‘homestay’ juga akan dipromosi secara aktif di sub-wilayah ini untuk mengalakkan pembabitan penduduk tempatan dalam sektor pelancongan. Sub-Wilayah Timur pula menempatkan sebahagian besar khazanah biodiversiti dan ladang kelapa sawit yang pasti menarik perhatian pelabur dalam sektor pertanian, pelancongan dan juga bioteknologi memandangkan ia terletak di salah satu kawasan hutan hujan tropika paling tua di dunia. SDC merupakan suatu pilihan bijak bagi para pelabur bijak memandangkan Sabah menawarkan kombinasi aset yang amat penting dan kritikal untuk kejayaan perniagaan dalam ekonomi global. Para pelabur perlu berpegang kepada komitmen terhadap perkongsian yang saling menguntungkan dan para pelabur hanya perlu memberi tumpuan kepada lima sebab utama untuk memastikan mereka mempunyai bahagian dan peluang dalam pembangunan ekonomi yang amat menarik.

Kedatangan pelaburan langsung asing ini juga sememangnya dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Sabah sendiri dan seterusnya menyumbang kepada pendapatan negara. Perlaksanaan SDC di Sabah dilihat sebagai pemacu kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih lestari dan mampan. Ekonomi negeri Sabah yang semakin menampakkan tanda-tanda positif sejak kebelakangan ini memberikan satu harapan baru ke atas pertumbuhan yang lebih kukuh dan stabil. Berdasarkan perkembangan ekonomi negeri tahun lalu serta unjuran pertumbuhan 6 hingga 6.5 tahun ini, ia merupakan satu petanda yang positif. Kekuatan eksport komoditi utama seperti minyak sawit mentah, getah dan produk berasaskan kayu, ekonomi negeri ini dijangka akan terus kukuh termasuk peningkatan dalam sektor pertanian dan pelancongan. Sektor pelancongan merupakan sektor kedua terbesar selepas sektor pembuatan menyumbang kepada pendapatan negara. Berdasarkan statistik tahun-tahun lepas, sektor pelancongan di Sabah berpontensi untuk dimajukan. Dalam tahun 2003, negeri Sabah mencatatkan kehadiran pelancong dari luar negara sebanyak 1.07 juta dan meningkat kepada 1,94 juta pada tahun 2005. Hasil kutipan melalui sektor ini dianggarkan memperoleh sebanyak RM2 bilion pada tahun 2005 yang dianggap tinggi dari tahun sebelumnya iaitu RM1.4 bilion. Sektor pelancongan ini juga berupaya untuk menarik pelabur asing dari luar negara. Sehubungan dengan ini, melalui RMK9, sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan untuk pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) yang telah menjadi mercu tanda kepada tarikan pelancong ke negeri ini. Kekerapan penerbangan Air Asia mendarat di lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu juga dilihat sebagai pemacu kepada peningkatan jumlah pelancong datang ke ‘negeri di bawah bayu’ ini. Oleh hal yang demikian, industri penerbangan tambang murah ini juga menjanjikan harapan yang positif ke arah memajukan sektor pelancongan di negeri ini (Kasim dan Mori, 2008). Berdasarkan data-data tersebut telah menunjukkan ekonomi pelancongan di Sabah semakin meningkat dari tahun ke tahun sehinggalah kini. Secara umumnya, negeri Sabah telah mempunyai potensi yang sangat tinggi dan mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Oleh itu, kawasan-kawasan yang berpotensi menjadi daya tarikan pelancong di negeri Sabah perlu ditingkatkan dan dimajukan lagi agar kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara akan terus meningkat.

Pelaburan langsung asing juga dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sektor perindustrian merupakan salah satu penyumbang utama kepada KDNK negeri Sabah. Sebagai contoh, beberapa lokasi perindustrian seperti

Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), Taman Perindustrian Kecil Teluk Sepanggar serta Pelabuhan Teluk Sapanggar berupaya menjadi penggerak utama ke arah mengukuh dan menstabilkan aktiviti perindustrian di negeri ini. Dalam tahun 2003, sektor ini telah menyumbang 11.7% kepada KDNK dan dijangka meningkat kepada 18% dalam tahun 2010 (Sabah Industrial Development Ministry, 2006). Sektor ini dilihat sebagai penggerak kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan. Dalam RMK9, sebanyak RM68 juta telah diperuntukkan untuk menyediakan prasarana premis perindustrian dan perniagaan. Angka ini sudah tentu memberi impak yang positif ke arah merubah suasana dan kondisi aktiviti perindustrian dan perniagaan di negeri ini. Melalui SDC, sektor perkilangan dijangka akan meningkatkan jumlah pelaburan modal daripada RM208 juta pada tahun 2006 kepada RM2.96 bilion pada tahun 2025. Selain itu, bilangan guna tenaga dalam sektor ini juga dijangka akan meningkat daripada 135000 kepada 228704 pada tahun 2025 serta peningkatan bilangan perkadarhan (peratusan) tenaga kerja yang mempunyai pendidikan tinggi dalam sektor ini daripada di bawah 10% pada tahun 2005 kepada 45% pada tahun 2025. Sektor pertanian juga salah satu penyumbang antara 20-23% kepada KDNK. Dalam tempoh perlaksanaan RMK9 ini, sektor pertanian dijangka menyumbang antara 25 hingga 30% kepada KDNK. Dalam RMK9, negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM1.141 billion untuk memajukan sektor pertanian di negeri ini. Peruntukan besar yang pernah diperuntukkan kepada negeri ini dijangka dapat mencapai sasaran 60% tahap sara diri pengeluaran beras menjelang tahun 2010. Tiga pusat memproses benih padi yang ada di Kota Belud, Papar, dan Tenom dijangka berupaya mengeluarkan 18,000 tan metrik benih padi yang bermutu tinggi setiap tahun. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri telah mengenal pasti kawasan 10000 hektar di Kota Belud untuk dijadikan mini jelapang padi Sabah. Statistik 2004 menunjukkan 94.6% daripada 2.12 juta hektar kawasan tanah di negeri ini yang sesuai untuk pertanian dibangunkan dengan tanaman sawit, koko, getah dan kelapa. Dalam tahun 2004, ketiga-tiga komoditi utama ini telah mencatat nilai eksport berjumlah RM8.9 bilion berbanding nilai import sebanyak RM793 juta (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah, 2006).

Kemudahan infrastuktur juga merupakan kesan pelaburan langsung asing yang di negeri Sabah. Kewujudan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu merupakan salah satu infrastuktur yang terdapat hasil daripada pelaburan langsung asing ini. Pertemuan syarikat dari Sabah dengan pelabur China turun membuka lebih

banyak peluang pelaburan di negeri Sabah ini. Dalam media akhbar Borneo Today (2019), Datuk Seri Mohd Shafie Afdal mengharapkan agar pelaburan China akan turun melihat potensi pelaburan dalam pembangunan infrastuktur seperti pelabuhan, landasan kereta api dan empangan. Beliau juga berhadap rombongan Kementerian Industri dan Teknologi Maklumat China yang berkunjung ke Sabah ini dapat memaklumkan kepada pelabur mengenai projek pembangunan infrasrtuktur sebegitu. Kewujudan infrastruktur ini bukan sahaja dapat meningkatkan keuntungan bahkan juga dapat memudahkan proses pengeluaran barang bagi sesebuah sektor ekonomi. Peningkatan kecekapan infrastuktur ini secara tidak langsung telah meningkatkan produktiviti sesuatu sektor ekonomi.

Selain itu, pelaburan langsung asing juga dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk di Sabah. Tracy Patrick (2018) dalam Free Malaysia Today menyatakan bahawa pembukaan Sabah kepada pelabur China yang dilakukan oleh Datuk Seri Mohd Shafie Afdal telah membawa lebih banyak modal dan teknologi bagi merancang pertumbuhan ekonomi. Beliau juga berkata sekumpulan pelabur dari China bersedia untuk melabur sejumlah AS\$2.5 bilion dalam sektor tertentu di Sabah dengan mencipta 3000 peluang pekerjaan untuk rakyat negeri Sabah. Tambahan lagi, beliau berkata, kerajaan akan mewujudkan persekitaran yang lebih sesuai dan menyokong pelabur. Sebagai contoh, pembinaan lebih banyak hotel lima bintang oleh pelaburan asing di Sabah. Secara tindak langsung, peluang pekerjaan juga akan meningkat. Bukan pelabur dari China sahaja, Datuk Seri Mohd Shafie Afdal juga menyatakan Sabah perlu menarik pelabur-pelabur besar dari Singapura untuk datang ke Sabah. Tambahan lagi, beliau menyatakan bahawa salah satu bidang yang berpotensi untuk menjana keuntungan pelaburan jangka masa panjang ialah dalam industri pelancongan. Selain itu, Sabah Sotfwood Berhad (SSB) yang ditubuhkan pada tahun 1973 sebagai syarikat sama dengan kini pemilikan 70% oleh Kumpulan Yayasan Sabah turun menyumbang kepada peluang pekerjaan. Hal ini demikian dapat dibuktikan melalui perladangan kayu industri dan kelapa sawit merupakan aktiviti utama syarikat ini. Dari segi hiliran, SSB turun mengusahakan kilang minyak kepala sawit dan operasi kilang serpai. Dengan mempunyai kawasan seluar 60600 hektar di Tawau iaitu Brumas (41500 hektar) dan Kalabakan (19100 hektar), SSB telah membuka peluang perniagaan komersial yang berdaya maju khusunya dalam sektor perladangan kayu dan kelapa sawit.

## **RUMUSAN**

Secara kesimpulannya, Sabah merupakan sebuah negeri yang mempunyai kepelbagai ekonomi yang mampu membangunkan negeri Sabah sendiri dan semestinya menyumbang kepada pendapatan negara Malaysia. Sabah yang kaya dengan sumber bahan mentah dan sumber semula jadi serta keadaan geografi yang strategik jadi telah menjadikan ia satu keistimewaan dan kelebihan dalam menarik pelabur asing untuk melabur di negeri Sabah. Pelaburan Langsung Asing ke atas negeri Sabah merupakan salah satu mekanisme yang telah membantu meningkatkan ekonomi negeri Sabah. Hal ini demikian kerana, kehadiran pelabur-pelabur asing ini telah banyak memberi sumbangan seperti modal dan pembinaan prasarana yang memberi kesan positif terhadap Sabah. Hal ini menunjukkan bahawa kehadiran FDI semenangnya penting dalam mengukuhkan ekonomi sesebuah negara. Kewujudan Koridor Pembangunan Sabah yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri juga telah menyumbang kepada penarikan banyak pelabur untuk melabur di Sabah. Koridor Pembangunan Sabah yang bermotifkan membasmi kemiskinan dan jurang ekonomi di Sabah telah pun tercapai hasil daripada suntikan dari pihak kerajaan dan pihak swasta. Oleh itu, pihak kerajaan dan swasta perlu sentiasa bekerjasama dalam membuat perubahan atau usaha dalam menarik minat pelabur asing untuk melabur di Malaysia khususnya di negeri Sabah. Kerjasama yang erat antara kedua pihak ini akan membuatkan semakin ramai kehadiran pelaburan langsung asing dalam sesebuah negara seterusnya semakin cerah peluang untuk sesebuah negara tersebut bersaing di peringkat global bersama negara-maju yang lain.

## **RUJUKAN**

- \_\_\_\_\_. (1997). *World Investment Report 1997: Transnational Corporations, Market Structure and Competition Policy*. Geneva: United Nations
- Alvstam, C. (1993). 'The Impact of Foreign Direct Investment on the Geographical Pattern of Foreign Trade Flows in Pacific Asia with special reference to Taiwan'. Dalam C. Dixon and D. Drakakis-Smith (ed.). *Economic and Social Development in Pacific Asia*. London: Routledge.
- Anis Mardiana Abdullah. (2010). *Kesan Pelaburan Langsung Asing ke atas Ekonomi Malaysia. Prosiding Perkem V*. Jilid 2. Diakses pada November 1, 2019 daripada [https://www.academia.edu/27370091/KESAN\\_PELABURAN\\_LANSUNG\\_ASING\\_PLA\\_KE\\_ATAS\\_EKONOMI\\_MALAYSIA\\_THE\\_IMPACT\\_OF\\_FOREIGN\\_DIRECT\\_INVESTMENT\\_FDI\\_ON\\_MALAYSIAN\\_ECONOMY](https://www.academia.edu/27370091/KESAN_PELABURAN_LANSUNG_ASING_PLA_KE_ATAS_EKONOMI_MALAYSIA_THE_IMPACT_OF_FOREIGN_DIRECT_INVESTMENT_FDI_ON_MALAYSIAN_ECONOMY)
- Fardy Bunga. (2019). Sabah Mahu Industri Perkayuan Ditingkatkan. *Berita Harian*. Diakses pada Oktober 28, 2019 pada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/01/521011/sabah-mahu-industri-perkayuan-ditingkatkan>
- Fauzi Bin Hussin & Ku'Adzam Tuan Lonik. (2009). Impak Pelaburan dan Perbelanjaan Kerajaan Terhadap Pertumbuhan Ekonomi: Kajian Kes Negeri Sabah dan Sarawak. Rekayasa. Diakses pada November 5, 2019 daripada <http://repo.uum.edu.my/11930/1/3.pdf>
- International Monetary Fund. (1993). *Balance of Payment Manual 5<sup>th</sup> Edition*. International Monetary Fund, Washington D.
- Jinel Noin (2010). *Perkembangan Penanaman Getah di Sabah, 1892-1941*. Diakses pada Oktober 17, 2019 [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/25260/Article\\_3.PDF](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/25260/Article_3.PDF)
- Jomo K.S & Shamsulbahriah Ku Ahmad. (2004). *Teori Pembangunan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kasim Hj Mansur & Mori Kogid. (2008). Koridor Pembangunan Sabah (SDC): Harapan dan Cabaran. *Prosiding Perkem III*, Jilid 1. Diakses pada November 2, 2019 daripada [https://www.researchgate.net/publication/287310903\\_KORIDOR PEMBANGUNAN\\_SABAH\\_SDC\\_HARAPAN\\_DAN\\_CABARAN\\_SABAH DEVELOPMENT\\_CORRIDOR\\_SDC\\_ASPIRATIONS\\_AND\\_CHALLENGES](https://www.researchgate.net/publication/287310903_KORIDOR PEMBANGUNAN_SABAH_SDC_HARAPAN_DAN_CABARAN_SABAH DEVELOPMENT_CORRIDOR_SDC_ASPIRATIONS_AND_CHALLENGES)

- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah, 2006. *Laporan tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan*. Kota Kinabalu: Pencetak Kerajaan Negeri Sabah.
- Kerajaan negeri sabah (2002). Perasmian Kilang Minyak Kelapa Sawit Sepagaya. Diakses pada November 10, 2019 daripada <http://www.sabah.gov.my/main/ms/Press/Details/2002003541>
- Kumpulan yayasan Sabah (2019). Diakses pada Oktober 22, 2019 daripada <http://www.yayasansabahgroup.org.my/bm/plantation.cfm>
- Lembaga Industri Getah Sabah (2011). Mengapa Harga Getah Jatuh. Diakses pada Oktober 25, 2019 daripada <http://www.ligs.sabah.gov.my/?cat=4>
- Markusen, J., Venables, A., Konan, D., & Zhang K. (1996). *A unified treatment of horizontal direct investment, vertical direct investment and the pattern of trade in goods and service*, (NBER Working Paper, No. 5696).
- Maruwiah Ahmat. (2008). *Kenali Negeri Kita Sabah Negeri di Bawah Bayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Nazllie. (2018). Pelan Induk Halatuju Rancak Ekonomi Pembangunan Sabah. *Berita Harian*. Diakses pada Oktober 25, 2019 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2018/01/375812/pelan-induk-halatuju-rancak-ekonomi-pembangunan-sabah>
- Nooriah Yusuf & Tarmiji Masron. (2010). Jurnal Kinabalu [Journal of Business & Social Sciences]. *Pelaburan Langsung Asing dan Transformasi Landskap Ekonomi di Malaysia*, 1-28.
- Pauziah. (2013). Pelancaran Koridor Pembangunan Sabah. Diakses pada November 3, 2019 daripada [http://www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item\\_id=7656](http://www2.arkib.gov.my/hids/print.php?type=A&item_id=7656)
- Remali Yusoff (2008). Analisis Respon Penawaran Getah Asli di Kalangan Pekebun Kecil di Sabah. Universiti Malaysia Sabah. Diakses pada Oktober 8, 2019 pada [https://www.researchgate.net/publication/285591294\\_Analisis\\_Respon\\_Penawaran\\_Getah\\_Asli\\_Di\\_Kalangan\\_Pekebun\\_Kecil\\_Di\\_Sabah](https://www.researchgate.net/publication/285591294_Analisis_Respon_Penawaran_Getah_Asli_Di_Kalangan_Pekebun_Kecil_Di_Sabah)
- Rybczynski, T.M. (1955). Factor endowment and relatives commodity prices. *Economica*, 22, 336-341
- Sabah Industrial Development Ministry, 2006. *Sabah Industrial Development Ministry Annual Report*. Kota Kinabalu: Sabah Government publication.
- Shairilizwan Taasim & Remali Yusoff. (2019). Analisis Empirikal Industri Pertanian Koko, Getah dan Pertumbuhan Ekonomi di Malaysia. Universiti Malaysia Sabah

- Shan, J., Tian, G. G. & Sun, F. (1997). The FDI-led growth hypothesis: Further econometric evidence from China. *Economics Division Working Paper*.
- Suraida Roslan. (2019). Potensi Pelaburan Di Sabah Harap Tarik Pelabur China, Shafie Apdal. *Borneo Today*. Diakses pada November 11, 2019 daripada <https://www.borneotoday.net/potensi-pelaburan-di-sabah-harap-tarik-pelabur-china-shafie-apdal/>
- Tracy Patrick. (2010). Aktivis: Terlalu Banyak Pelaburan Asing Tidak Baik Untuk Penduduk Pribumi. *Free Malaysia Today*. Diakses pada November 10, 2019 daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2018/10/10/aktivis-terlalu-banyak-pelaburan-asing-tidak-baik-untuk-penduduk-pribumi/>
- Unit Perancangan Ekonomi Negeri Sabah. (2001). *Strategi Kerajaan Negeri Sabah Untuk Melaksanakan Aspek Pembasmian Kemiskinan dan Penyusunan Semula Masyarakat Di Bawah RRJP3 dan RMK8*. Kota Kinabalu (Tidak diterbitkan).